

DR. AHMAD (tengah) bersama dengan kakitanganya yang menerima anugerah cemerlang dalam pelancaran potongan gaji Skim Wakaf Tunai Dana Wakaf Al-Abrar di USIM, Nilai, Negeri Sembilan.

Skim Al-Jabar USIM

PUSAT Pembangunan dan Pembiayaan Wakaf (PPPW) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil pendekatan baharu dalam memberi peluang kepada masyarakat untuk melaksanakan amalan berwakaf dalam bentuk tunai melalui pelancaran potongan gaji Skim Wakaf Tunai Dana Wakaf Al-Abrar.

Skim ini telah diperkenalkan untuk memudahkan semua kakitangan awam dan swasta untuk menunaikan ibadah wakaf dan dapat menyelesaikan masalah yang sering berlaku dalam menunaikan ibadah wakaf.

Majlis pelancaran skim potongan gaji wakaf ini telah dirasmikan oleh Naib

Canselor USIM, Datuk Prof. Dr. **Musa Ahmad**.

Inisiatif PPPW ini adalah selari dengan usaha USIM untuk menerajui dan menggalakkan pembiayaan pembangunan wakaf. Melalui PPPW, ia akan menguruskan kutipan dan agihan tabung amanah wakaf USIM berdasarkan keputusan Majlis Wakaf USIM - Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jawatankuasa Dana Wakaf Al-Abrar.

Dana wakaf yang dikumpulkan ini digunakan untuk aktiviti dakwah, pendidikan, penyelidikan, penerbitan, kesihatan, pembangunan pendidikan dan fasiliti kesihatan.

Skim ini terbuka kepada semua

kakitangan awam dan swasta yang beragama Islam. Masyarakat bukan Islam juga boleh memberi sumbangan wakaf tunai secara potongan gaji dan memenuhi syarat dan prosedur ditetapkan.

Penyumbang juga tidak terhad kepada kakitangan syarikat dan agensi di Negeri Sembilan, malah terbuka kepada pihak luar untuk memberi sumbangan wakaf tunai tersebut.

Kerjasama awal USIM-MAINS dalam memanfaatkan pembiayaan dana wakaf untuk menubuhkan Klinik Pakar Kesihatan USIM dan Klinik Hemodialisis di Nilai Square, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.